

AeU tanggung peperiksaan

Kuala Lumpur: Asia e University (AeU) menangguhkan peperiksaan akhir tahun bagi semester September 2014 yang dijadualkan pada 9 hingga 11 Januari 2015 kepada tarikh baharu iaitu pada 23 hingga 25 Januari 2015.

Situasi banjir

AeU dalam satu kenyataan menjelaskan penangguhan dibuat berikutan situasi banjir yang melanda negara khususnya di negeri Pantai Timur.

Jadual dan tempat peperiksaan bagaimanapun dikekalkan. Pelajar turut dinasihatkan agar menyemak portal pelajar atau menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelajar di talian 03-27850000 untuk sebarang maklumat terbaharu berkaitan peperiksaan berkenaan.